



SIARAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

PERBADANAN PUTRAJAYA SALUR BANTUAN KURANGI IMPAK KENAIKAN KOS SARA HIDUP KOMUNITI PUTRAJAYA


PUTRAJAYA, 22 Julai 2022 – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud menyampaikan sumbangan Bantuan Bakul Makanan kepada Surau-surau Putrajaya bertempat di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya.

Turut hadir bersama adalah Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar, YBrs. Tuan Haji Nik Shukri bin Nik Soh dan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti & Sukan, Encik Rosli bin Abd Talib.

Sebanyak 30 buah Surau Komuniti menerima barangan bantuan untuk ditempatkan di ruangan sudut infaq surau masing-masing bagi manfaat Komuniti Putrajaya yang memerlukan. Setiap surau menerima sumbangan Bantuan Bakul Makanan dan Pencuci Pakaian bernilai RM600. Bantuan bakul makanan terdiri daripada beras, minyak masak, biskut, milo, sardin, gula kasar, susu tin, teh dan juga bihun serta pencuci pakaian juga turut diberikan.

Isu global dan konflik geopolitik yang melanda dunia pada masa ini telah mengakibatkan inflasi berlaku di seluruh dunia. Program bantuan ini merupakan inisiatif PPj dalam membantu komuniti Putrajaya khususnya golongan yang memerlukan berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat kesan daripada inflasi tersebut.

Di samping itu, program ini turut menyokong agenda Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Sejak tahun 2018, PPj telah menggerakkan dan mempromosikan kewujudan Sudut Infaq di Surau-surau Komuniti. Program Minggu Infaq Putrajaya yang telah dilaksanakan pada Bulan Ramadan pula dijadikan acara tahunan bagi mengumpul dana tambahan dan barang keperluan harian untuk disalurkan ke Sudut Infaq Surau-surau Komuniti ini.


TPr. NORZITA ABDUL RAZAK
Pengarah (Komunikasi Korporat)
Perbadanan Putrajaya
Tarikh: 22 Julai 2022

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346.